

## Takaful MediCash

Adakah anda bersedia untuk menghadapi sebarang kejutan di luar jangkaan? Kesakitan dan kemalangan boleh berlaku pada bila-bila masa sahaja. Penghospitalan akan menyebabkan kehilangan pendapatan dan menambahkan beban kewangan anda dan orang yang tersayang.

Takaful MediCash ialah satu pelan perlindungan tunggal dan berpatutan. Pelan ini menawarkan Manfaat Pendapatan Harian untuk Penghospitalan, Pendapatan Bulanan untuk Hilang Upaya Keseluruhan dan Kekal (HUKK) akibat Kemalangan dan Elaun Ihsan untuk melindungi anda daripada kehilangan pendapatan. Pelan ini akan mengurangkan beban kewangan anda sementara anda kembali pulih. Tambahan lagi, Diskaun Tiada Tuntutan akan diberikan apabila anda tidak membuat tuntutan dalam tempoh satu (1) tahun yang lepas.

## Manfaat

### Manfaat Pendapatan Harian untuk Penghospitalan

- Kami akan memberi perolehan bagi menggantikan pendapatan anda semasa anda tidak dapat bekerja. Terima pendapatan sehingga RM 400 sehari semasa tempoh penghospitalan tanpa mengira jenis penyakit atau kecederaan. Selain itu, sekiranya anda perlu dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi atau *High Dependency Unit*, anda akan menerima Manfaat Pendapatan Harian untuk Penghospitalan berganda. Pelan ini juga memberikan Manfaat Pendapatan Harian untuk Penghospitalan di Luar Negara.

### Manfaat Pendapatan Bulanan untuk Hilang Upaya Keseluruhan dan Kekal (HUKK) akibat Kemalangan

- Cabaran hidup adalah sukar untuk dijangka tetapi anda boleh menyediakan payung sebelum hujan. Dengan Takaful MediCash, Manfaat Pendapatan Bulanan untuk HUKK akibat Kemalangan sehingga RM 2,000 sebulan akan dibayar kepada Orang Yang Dilindungi yang mengalami HUKK akibat Kemalangan.

### Elaun Ihsan

- Kurangkan ketidaktentuan dalam kehidupan menerusi pelan ini. Keluarga yang tersayang akan menerima Elaun Ihsan sehingga RM 20,000 sekiranya anda tidak lagi berada di sisi mereka.

### Diskaun Tiada Tuntutan

- Dapatkan ganjaran dengan 20% Diskaun Tiada Tuntutan ke atas caruman apabila anda tidak membuat tuntutan dalam tempoh satu (1) tahun yang lepas.

## Pelan yang Disediakan dan Jadual Manfaat

Anda boleh pilih salah satu daripada pelan berikut untuk memenuhi keperluan anda.

Manfaat	Pelan 100	Pelan 200
<b>Pendapatan Harian<sup>1</sup></b>		
Manfaat Pendapatan Harian untuk Penghospitalan	RM 100 sehari	RM 200 sehari
Manfaat Pendapatan Harian untuk Penghospitalan di Unit Rawatan Rapi (ICU) atau <i>High Dependency Unit</i> (HDU) atau di hospital Luar Negara	RM 200 sehari	RM 400 sehari
<b>Pendapatan Bulanan</b>		
Manfaat Pendapatan Bulanan untuk Hilang Upaya Keseluruhan dan Kekal (HUKK) akibat Kemalangan <sup>2</sup>  (Sehingga 120 bulan bagi setiap Sijil)	RM 1,000 sebulan	RM 2,000 sebulan
<b>Elaun Ihsan<sup>3</sup></b>		
Elaun Ihsan	RM10,000	RM20,000
<b>Diskaun Tiada Tuntutan<sup>4</sup></b>		
Diskaun Tiada Tuntutan	20% Caruman Tahun Sijil Semasa	

Nota:

<sup>1</sup> Manfaat yang dibayar adalah tertakluk kepada:

- i. Had gabungan 4 kali kemasukan Hospital setiap Tahun Sijil dan 730 hari bagi penginapan di hospital sepanjang tempoh perlindungan.
- ii. Manfaat Pendapatan Harian untuk Penghospitalan akan dibayar bagi setiap hari penginapan di hospital sehingga 60 hari bagi setiap Tahun Sijil.
- iii. Manfaat Pendapatan Harian untuk Penghospitalan di Unit Rawatan Rapi (ICU) atau *High Dependency Unit* (HDU) atau di hospital luar negara akan dibayar bagi setiap hari Penginapan di Hospital sehingga 60 hari bagi setiap Tahun Sijil.

- iv. Manfaat Pendapatan Harian untuk Penghospitalan tidak akan dibayar untuk tempoh berada di hospital yang sama di mana Manfaat Pendapatan Harian untuk Penghospitalan di Unit Rawatan Rapi (ICU) atau *High Dependency Unit* (HDU) atau di hospital Luar Negara dibayar.

<sup>2</sup> Manfaat ini akan dibayar sehingga 120 bulan sekiranya berlaku Hilang Upaya Keseluruhan dan Kekal (HUKK) ke atas Orang Yang Dilindungi dalam masa 365 hari selepas tarikh Kemalangan. Semua manfaat dan caruman di bawah pelan ini akan ditamatkan sebaik sahaja selepas dengan segera selepas permulaan tarikh HUKK akibat Kemalangan.

<sup>3</sup> Elaun Ihsan akan dibayar secara sekali gus apabila Orang Yang Dilindungi meninggal dunia.

<sup>4</sup> Sekiranya tiada tuntutan diluluskan dalam Tahun Sijil yang lepas, Diskaun Tiada Tuntutan bersamaan 20% caruman bagi caruman Tahun Sijil semasa akan diberikan.

## NOTA PENTING

- Zurich Takaful Malaysia Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSA) 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. Zurich Takaful Malaysia Berhad dikehendaki mematuhi sepenuhnya syarat Syariah dan Kawal Selia.
- Ini merupakan produk Takaful dan direka mengikut prinsip-prinsip Syariah.
- Helaian fakta ini adalah bagi tujuan gambaran sahaja. Untuk maklumat lanjut tentang terma dan syarat, sila rujuk Lembaran Pendedahan Produk dan Dokumen Sijil.
- Anda perlu berpuas hati bahawa pelan ini boleh memenuhi keperluan anda dan caruman yang dibuat untuk Sijil ini merupakan jumlah yang anda mampu bayar.
- Sekiranya Sijil ini dibatalkan semasa tempoh percubaan percuma selama lima belas (15) hari daripada tarikh penghantaran dokumen Sijil anda, Zurich Takaful Malaysia Berhad akan memulangkan caruman penuh yang dibuat.
- Takaful MediCash tidak menyediakan sebarang manfaat daripada Akaun Pelaburan Risiko Peserta (APRP) apabila Sijil Takaful ditamatkan atau habis tempoh.
- Pemotongan caruman bagi pelan ini tidak akan dijamin dan Zurich Takaful Malaysia Berhad berhak untuk menyemak semula kadar caruman dengan memberikan notis bertulis tiga puluh (30) hari lebih awal kepada Peserta.
- Helaian fakta ini hanya menyediakan maklumat ringkas tentang Takaful MediCash. Maklumat yang terkandung pada helaian fakta ini mungkin diubah tanpa notis awal.
- Versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai sekiranya berlaku sebarang pertikaian atau kekaburuan yang timbul daripada terjemahan Bahasa Malaysia.

Untuk maklumat lanjut dan bantuan tentang **Takaful MediCash**, sila hubungi **Pusat Panggilan Zurich** di **1-300-888-622** atau e-mel kami di [callcentre@zurich.com.my](mailto:callcentre@zurich.com.my)



Manfaat-manfaat yang dibayar adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk [Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM](#) atau hubungi Zurich Takaful Malaysia Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

#### **Butiran Syarikat**

Zurich Takaful Malaysia Berhad

No. Pendaftaran 200601012246 (731996-H)

Tingkat 23A, Mercu 3

No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City

59200 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 03-2109 6000 Faks: 03-2109 6888

Pusat Panggilan: 1-300-888-622 [www.zurich.com.my](http://www.zurich.com.my)